

Kelainan upaya bukan penghalang untuk jadi usahawan berjaya

DE 1.1.2018 3

Iskandar
Dzulkifli

PUTATAN: Siapa sangka lelaki yang hanya duduk di kerusi roda mampu mencipta nama sebagai usahawan serunding ikan bilis di usia muda.



M u h a m m a d Zahrin Ahmad (**gambar**), 22, mungkin belum dikenali di kalangan usahawan berjaya, namun semangat insan Orang Kelainan Upaya (OKU) berasal dari Tawau ini wajar dicontohi.

Mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan menjadi pendukung kepada beliau dalam mengembangkan lagi perniagaan berkat ilmu yang dituntut sepanjang pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Selepas graduasi, saya tidak berharap bekerja 'makan gaji', sebaliknya mengambil inisiatif berniaga sendiri seterusnya menjadi pengasas produk Serunding Bilis Ibuku ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di sidang media Kempen 'Aku Punya Bah' dirasmikan Presiden Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Mohamad Alamin di Dewan Sinar Mustika, di sini.

Menurut Zahrin, kekurangan yang ada pada dirinya tidak menjadi penghalang baginya untuk menggapai kejayaan dalam bidang yang diceburinya setanding dengan insan normal lainnya.

"Status sebagai OKU sejak lahir ini bukan alasan buat saya untuk tidak berjaya seperti orang lain kerana saya yakin walaupun dilahirkan begini saya mampu buat lebih baik daripada orang lain."

"Malah, sejak berkecimpung dalam bidang ini, produk saya kini sudah menembusi pasaran Semenanjung dan Sarawak, justeru untuk perancangan tahun 2018, saya mensasarkan untuk memasuki pasaran antarabangsa," katanya.

Pelbagai hadiah menarik ditawarkan dalam kempen berkenaan membabitkan kereta mewah dan percutian ke luar negara yang akan diumumkan di 'page' laman sosial kumpulan berkenaan.

Sementara itu, Pengurus 'Aku Punya Bah' Noor Farahdilah Najmuddin berkata, kempen itu adalah platform menghim-punkan usahawan-usahawan muda bu-miputera agar dapat saling berkongsi ilmu pengetahuan dalam mengem-bangkan perniagaan masing-masing.

"Pihak kami kini mempunyai 23 usa-hawan muda bumiputera daripada selu-ruh Sabah yang rata-ratanya dari pelbagai jenis industri seperti bidang kosmetik, ke-sihatian, perkhidmatan dan fesyen.

"Melalui kempen ini, kami dapat saling membantu dan memberi tunjuk ajar kepada ahli khususnya usahawan baru bagaimana untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka sehingga berjaya.

"Kempen ini akan diadakan selama enam bulan dan hari ini sudah masuk bulan ke tiga, manakala cabutan bertuah akan dibuat setiap bulan melalui paparan di laman sosial kami," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Eksekutif The Hijab World Normah Mammad menyifatkan kempen itu banyak membantu mengembangkan lagi perniagaan khususnya membabitkan aspek pe-masaran yang lebih proaktif.

"Alhamdulillah, jualan kami semakin meningkat dengan bantuan kempen ini hingga mampu mencapai sehingga 30 peratus," katanya.